



Ruj. Tuan

Ruj. Kami PPj/KORP/PA/91 Jld.3 (24)

Tarikh 12 September 2011

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan

SAYEMBARA E-PANTUN MELALUI LAMAN SOSIAL "FACEBOOK" PERBADANAN PUTRAJAYA DAN SAYEMBARA MENULIS CERPEN SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2011 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Perbadanan Putrajaya (PPj) akan menganjurkan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya sepanjang bulan Oktober 2011 ini. Antara acara yang dianjurkan adalah **Sayembara Menulis Cerpen** dan **Sayembara E-Pantun Melalui Laman Sosial "Facebook" Perbadanan Putrajaya**.

3. Sehubungan itu, PPj ingin memohon kerjasama dari pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengwar-warkan pertandingan ini kepada pensyarah dan mahasiswa/i di IPT masing-masing dan seterusnya menggalakkan mereka menyertai kedua-dua pertandingan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat berkaitan untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

4. Untuk maklumat lanjut berkaitan pertandingan ini, Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi saya di talian 03-8887 7350 atau email: nazt@ppj.gov.my.


5. Kerjasama dari pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Semoga dengan kerjasama ini akan mencapai objektif sebagaimana yang diharapkan.

Sekian dimaklumkan terima kasih.

“BANDAR RAYA BESTARI KEHIDUPAN BERKUALITI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



[NOOR AZHAR ZAINAL]
b.p. Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Perhubungan Awam
Perbadanan Putrajaya